

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 MEI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kuala Krai catat suhu maksimum 37.3 darjah Celcius - Madius	BERNAMA
2.	Amaran ribut, hujan lebat pada hari helikopter terhempas	Utusan Malaysia
3.	Helikopter bawa enam mangsa terbang ketika cuaca buruk	Kosmo
4.	Hujan lebat akibat peralihan monsun	Harian Metro
5.	El Nino semakin melemah	Harian Metro
6.	Downpour helps Bukit Merah Dam	New Straits Times
7.	Hot and dry spell to end soon	The Star
8.	Lima lelaki ditahan berhubung kes mayat rentung dalam kereta di Hulu Langat	BERNAMA
9.	Exceptional students	The Sun



Kuala Krai Catat Suhu Maksimum 37.3 Darjah Celsius - Madius

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kuala Krai, Kelantan merekodkan bacaan suhu tertinggi dalam negara 37.3 darjah Celsius setakat 4 petang, hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata kawasan-kawasan tengah Semenanjung Malaysia yang lain juga turut mencatatkan bacaan suhu maksimum iaitu melebihi 35 darjah Celsius.

"Untuk bilangan hari tanpa hujan berturut-turut sehingga semalam (8 Mei), Kota Bharu, Kelantan terus merekodkan peningkatan iaitu 36 hari, diikuti oleh Mersing, Johor sebanyak 23 hari," katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Beliau menasihati orang ramai agar banyak minum air dan mengurangkan aktiviti luar sewaktu keadaan cuaca panas.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering disebabkan fenomena El Nino dan Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 10 MEI 2016 (SELASA)

Amaran ribut, hujan lebat pada hari helikopter terhempas

KUCHING 9 Mei - Faktor cuaca buruk mungkin punca helikopter dinaiki Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon bersama lima yang lain terlibat dalam nahas pada Khamis lalu.

Hal ini kerana amaran cuaca buruk telah dikeluarkan **Jabatan Meteorologi** pada hari sama helikopter jenis AS350 itu gagal dikesan selepas terputus hubungan dengan menara kawalan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Sarawak berkata, amaran ribut petir dan hujan lebat telah dike-

luarkan ke seluruh negeri ini pada 5 Mei lalu.

Katanya, amaran itu dikeluarkan selepas kelompok awan hujan mula terbentuk dan tersebar di bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong dan Sarikei bermula pukul 4 hingga 6 petang.

"Tompok awan hujan itu semakin aktif mulai pukul 4.30 petang sehingga 7 malam di sekitar Betong dan Sri Aman, malah bergerak luas ke Serian dan Samarahan sekitar pukul 5.30 petang," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Akhbar hari ini menyiarkan laporan seorang penduduk di rumah panjang Kampung Seduku mendakwa ternampak sebuah helikopter yang terbang melalui perkampungannya terkena panahan petir ketika hujan lebat, menyebabkannya menjadi tidak stabil.

Mengimbau detik cemas kira-kira pukul 4 petang Khamis lalu, Mona Lipek, 40, memberitahu, ketika kejadian itu, dia sedang berehat di beranda rumahnya sebelum ternampak empat buah helikopter terbang menuju ke Sebuyau, dekat sini.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (TRAGEDI HELIKOPTER TERHEMPAS DI SARAWAK)
MUKA SURAT 6
TARIKH: 10 MEI 2016 (SELASA)

Helikopter bawa enam mangsa terbang ketika cuaca buruk

KUCHING - Helikopter jenis Eurocopter AS350 yang mengorbankan enam nyawa selepas ter-

hempas di Sungai Batang Lupar di Sebuyau Khamis lalu terbang ketika cuaca buruk.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Sarawak berkata, amaran mengenai kejadian ribut petir dan hu-

jan lebat yang diramal pada pukul 4 hingga 6 petang di seluruh negeri pada hari itu telah dikeluarkan oleh jabatan meteorologi negeri.

"Amaran cuaca buruk itu dikeluarkan berikutan pengesanan kelompok awan hujan yang terbentuk secara berterusan di Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong dan Sarikei.

"Tompok awan hujan itu dilihat semakin aktif dari pukul 4.30 petang sehingga pukul 7 malam di sekitar Betong dan Sri Aman," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan seorang penduduk di rumah panjang Kampung Seduku mendakwa, ternampak sebuah daripada empat buah helikopter yang terbang melalui perkampungannya terkena panahan petir ketika hujan lebat sebelum pesawat itu menjadi tidak stabil pada 5 Mei lalu.

Pesawat yang terkena panahan petir itu dipercayai melibatkan pesawat yang



KERATAN *Kosmo!* semalam.

membawa Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon, suaminya, Tuan Asmuni Abdullah.

Turut terkorban ialah Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Sundaran Annamalai dan pengawal peribadi, Ahmad Sobri Harun.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 10 MEI 2016 (SELASA)

Hujan lebat akibat peralihan monsun

Kuala Lumpur: Hujan lebat beserta ribut petir yang dialami sekarang adalah keadaan cuaca tipikal kerana negara berada dalam fasa musim peralihan monsun.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, hujan lebat itu adalah semula jadi dan tiada kaitan dengan pembersihan awan.

"Fasa musim peralihan monsun sudah bermula pada minggu pertama April dan ia dijangkakan berakhir pada

minggu ketiga bulan Mei.

"Dalam tempoh ini, negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak terutamanya menerima hujan dan ribut petir di sebelah petang dan senja," katanya.

Katanya, hujan lebat dan ribut petir berlaku secara tempatan iaitu tidak menyeluruh di setiap negeri.

"Mengikut rekod dan pemantauan radar, bagi minggu pertama Mei ini, negeri yang menerima jumlah hu-

jan yang banyak ialah Selangor.

"Hujan lebat beserta ribut petir ini boleh menyebabkan banjir kilat," katanya.

Sehingga kelmarin, kawasan yang belum menerima hujan untuk tempoh yang lama ialah Kota Bharu, Kelantan iaitu selama 36 hari diikuti Mersing di Johor iaitu 23 hari.

Manakala, suhu tertinggi dicatatkan adalah sebanyak 37.3 darjah Celsius iaitu di Kuala Krai di Kelantan dan Mersing, Johor.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 10 MEI 2016 (SELASA)

El Nino semakin melemah

Kuala Lumpur: Fenomena kemarau El Nino yang melanda negara ini dikesan semakin melemah dan dijangka menjadi pulih menjelang Jun depan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, ramalan itu dibuat berdasarkan keadaan rantau negara ini yang kini berada dalam tempoh peralihan musim.

Menurutnya, keadaan itu dijangka berakhir pada penghujung Mei ini.

"Dalam tempoh peralihan itu, hujan dan ribut petir dijangka berlaku pada waktu petang.

"Malah, keadaan itu berkemungkinan berlanjutan hingga waktu malam terutama di kawasan pantai barat Semenanjung," katanya.

Bagaimanapun, sebaik saja tempoh peralihan itu berakhir, Monsun Barat Daya pula bakal bermula dan dijangka berlarutan sehingga September depan.

Difahamkan jumlah hujan yang diterima ketika Monsun Barat Daya adalah kurang berbanding musim yang lain.

"Lazimnya cuaca pada tempoh itu berada dalam keadaan panas dan kering," katanya.

Downpour helps Bukit Merah Dam

STILL CRITICAL:

It raises the water level in the dam by 0.1m

SERI NOR NADIAH KORIS

IPOH

news@nst.com.my

WATER level at the Bukit Merah Dam is still at a critical level despite heavy rainfall in several areas of the Kerian district yesterday.

State Public Utilities, Infrastructure, Energy and Water Committee chairman Datuk Zainol Fadzi Paharudin said the downpour, however, increased the water level in the dam by 0.1m.

"The water level has now gone up to 6.7m due to the rainfall on Monday, as compared with 6.6m the day before," he said.

Zainol said people in Kerian,

especially padi farmers, were praying for continuous rainfall so that it would help increase the water level.

"We are praying for the rainfall to continue so that the state government will not have to conduct water rationing exercises," he said.

Zainol also said that cloud seeding operations had been reduced.

"The rainfall is natural and we have reduced cloud seeding," he said.

He said the water would be solely used for irrigation purposes once the level at the dam reaches 7m.

"There is enough water for drinking," he said.

Meanwhile, a Meteorological Department spokesman said the Kerian district was expected to be hit by thunderstorms in the afternoon throughout the week.

"There might be rain in the morning due to cloud seeding, which are still being conducted," he said when contacted by the *New Straits Times*.

Hot and dry spell to end soon

Nation sees respite from the heat as inter-monsoon period draws near

PETALING JAYA: The hot and dry spell is nearing an end with the appearance of inter-monsoon rains. It is flooding, not bush fires, that the people must prepare for.

A look at the map of the Malaysia Fire Danger Rating System, under the "Fine Fuel Moisture Code" (FFMC), showed an improvement in most parts of the peninsula and Sabah and Sarawak which are categorised as low (marked in blue) and moderate (green) risks.

This is an improvement compared to February when nearly all parts of the peninsula, Sabah and Sarawak were in a "red" alert.

Red represents "extreme" - which indicates a very high probability of ignition and flammability of grasslands and bushes.

A check on the FFMC yesterday showed large parts of Terengganu and areas in Kelantan and Pahang marked in red but in Sabah and Sarawak, very little areas were covered in red on the map.

Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said the situation was improving.

"I think the dry season is nearing its end, but we remain on alert. We are preparing for the year-end flood season," he said when contacted.

The Malaysian Meteorological Department's website states that the FFMC values are "ratings of the moisture content of litter and other cured fine fuels".

It indicates the relative ease of ignition and flammability of fine fuels, as such the FFMC is used as an indicator of ignition potential or the potential for fires to start and spread in the area.


The department confirmed that the severe heatwave had eased off and was unlikely to recur in the near future.

It said the country will be in the inter-monsoon phase till the middle of the month and thunderstorms were expected in many parts in the country in the evenings.

"With the weakening of the El-Nino effect, high temperatures are unlikely to occur," it said.

However, the department cautioned that localised haze could worsen if there was no control over open burning.

A map of Malaysia showing the risk of fire on May 9





Lima Lelaki Ditahan Berhubung Kes Mayat Rentung Dalam Kereta Di Hulu Langat

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Lima lelaki ditahan bagi membantu siasatan kes penemuan satu mayat rentung dalam sebuah kereta Honda Accord yang terbakar di Jalan Genting Pras, Hulu Langat pada Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Kajang ACP Othman Nanyan berkata semua suspek itu, yang berusia di antara 27 hingga 43 tahun, ditahan pada 7 Mei lepas dan dipercayai kenalan mangsa.

"Di samping itu, kita mengambil sampel darah dua individu yang dipercayai anggota keluarga mangsa iaitu adik lelaki dan adik perempuannya untuk ujian perbandingan deoxyribonucleic acid (DNA)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Othman berkata semua sampel itu dihantar ke [Jabatan Kimia Malaysia](#) pada 2.30 petang tadi untuk dianalisis.

Khamis lepas, polis menemui petunjuk baharu iaitu sebentuk cincin bagi mengenal pasti identiti mayat yang rentung di dalam kereta berkenaan.

Cincin itu ditemui pasukan polis di dalam but kereta itu pada 7.30 malam Khamis lepas.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (EDUCATION FOCUS) : MUKA SURAT S05
TARIKH : 10 MEI 2016 (SELASA)



The school is poised for a stark increase in academic performance in the coming years.

Exceptional students

> South Korean students have done Sekolah Sri Bestari proud

Sekolah Sri Bestari is proud to have a group of exceptional South Korean students who are redefining the value derived from the local Malaysian education system which they have benefited immensely.

The South Korean students have done the school very proud and are an example to Malaysian students for their dedication, fortitude and determination to succeed.

Their work ethics are second to none. They are adaptable and have blended in so well with the local education system and culture that most often it is hard to differentiate between them and Malaysians.

Academically, the South Koreans have picked up English and the national language, Bahasa Malaysia, so well and fluency in the languages are just exceptional.

In fact, one of the top performing Form 3 students in the PT3 2015 examination is a Korean student, Song Joohye who obtained straight As for all the subjects which is testament of their achievements.

Song not only excels in her studies, but also in sports, co-curricular and leadership where she is a school prefect and currently working hard towards the SPM examination in 2017.

"From my years of experience, I find that Korean students are highly respectful of their teachers and elders, humble and constantly seek clarification when in doubt. It is so easy to teach our Korean students who are often an example for others to emulate," said Rosnah Sulaiman, the Head of Secondary.

Sri Bestari offers the Malaysian curriculum with a whole host of additional programmes in foreign languages, optional international assessments and certifications, and the teaching of Mathematics and Science in English.

It is also a selected school that implements Inquiry Based Science Education (IBSE) under Academy of Sciences Malaysia (ASM) which have

been very well received by the expatriate community in Malaysia.

The inquiry-based learning profoundly stimulates scientific inquiry in students, in their understanding of the world and their capacity for deduction and expression. Foreign nationals who have benefited come from South Korea, US, India, China, Iran, Indonesia and Myanmar.

"Koreans have a remarkable work rate where any assignment handed out will be completed way ahead of time which is indicative of their discipline and deep sense to succeed," said Normah Hashim, Head of Primary.

According to the school Principal, Dr Steven Baptist, "Korean students are a joy to teach as they are avid learners, highly disciplined and always respectful which incidentally is a core value of the school. I am very confident these students will go on to excel in their future careers as they are endowed with the right values and principles of high achievers."

Sri Bestari is poised for a stark increase in academic performance in the coming years which is indicative by the recent results for all national examinations in 2015 mainly UPSR, PT3 and SPM.

Last year, 16 UPSR students scored straight As, while for the PT3 examination, seven students scored a minimum of 8As and three with straight As.

The SPM results were a glowing achievement for the school where 22 students scored 8As and above, with 12 scoring straight As and one student attained the coveted perfect performance of 11A+.

The recent emphasis on Higher Order Thinking Skills and having all teachers retrained and brought up to mark coupled with the focus on academic excellence, the school managed to obtain the exceptional results in a record-breaking year.

For more information, visit www.sribestari.edu.my or call 03 6275 5888.